

MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU MELALUI PENDIDIKAN DAN MENDEPANI CABARAN GLOBALISASI

MOHD RASHID HJ. MD IDRIS

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan usaha memartabatkan bahasa Melayu melalui pendidikan. Tujuan utama ke arah ini adalah kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa untuk mencapai hasrat 1Malaysia. Keyakinan ini telah termeterai bahawa bahasa Melayu telah menduduki tempat yang tinggi sebagai bahasa moden kerana telah memenuhi semua syarat seperti sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa pengantar pendidikan, bahasa perdagangan, bahasa agama, bahasa kebudayaan dan kesusasteraan, bahasa militer, bahasa lingua franca, bahasa parlimen dan bahasa mahkamah. Mengikut kajian pada tahun 1992, bahasa Melayu menduduki tempat keenam, iaitu mempunyai kira-kira 200 juta penutur. Daripada sudut tatabahasa terutamanya sintaksis, bahasa Melayu merupakan satu bahasa yang paling mudah dipelajari, sangat lentur dan sesuai untuk mengekspresikan pemikiran yang tinggi. Usaha pemeraksanaan bahasa Melayu kian terserlah di peringkat sekolah melalui dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dan juga di peringkat Institut Pengajian Tinggi (IPT). Di samping itu, cabaran yang dihadapinya dalam menongkah arus globalisasi tidak boleh dikesampingkan. Ledakan globalisasi membuatkan bahasa Melayu seakan-akan terumbang-ambing ibarat dilanda badai ganas. Kebimbangan tetap ada khususnya kesan proses osmosis seperti pencabulan bahasa, kebudayaan dan cara hidup yang negatif. Menjelang tahun 2020, perasaan optimis tetap ada bahawa Malaysia dijangka menjadi sebuah negara maju dengan menggunakan bahasa kebangsaannya.

Kata Kunci: Martabat, Bahasa Melayu, Pendidikan, Cabaran, Globalisasi

ABSTRACT

This paper discusses efforts to uplift the Malay language through education. The main purpose of this direction is because Malay is the national language became a tool of unity, the main language of communication and language knowledge towards building a nation-state to achieve the goal of 1Malaysia. This confidence has sealed that Malay has ranked high as a modern language as has fulfilled all the conditions as the national language, the official language, the medium of education, trade language, the language of religion, language, culture and literature, military language, lingua franca, parliamentary language and the language of the court. According to research in 1992, finished sixth Malay language, which has about 200 million speakers. Especially in terms of the grammar, syntax, Malay language is one of the easiest languages to learn, very flexible, and suitable for expressing high

thinking. Malay empowerment efforts increasingly evident at the school through MBMMBI policy and on the IPT. In addition, the challenges he faced in breaking the trend of globalization can not be ruled out. Malay makes globalization boom-like wobbling like a violent storm hit. Concerns remain particularly osmosis process effects such as abuse of language, culture and way of life negatively. By the year 2020, there is still optimism that Malaysia is expected to become a developed nation by using its national language.

Keywords: *Dignity, Malay Language, Education, Challenges, Globalization*

PENGENALAN

Memartabatkan bahasa Melayu (bahasa Malaysia) bermaksud meletakkan bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa pengantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996 (Buku Kecil MBMMBI, Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pelajaran Malaysia; 6). Tujuan utama memartabatkan bahasa Melayu adalah kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa untuk mencapai hasrat 1Malaysia.

Bahasa Melayu kini telah mencapai kedudukan yang tinggi sebagai bahasa moden, iaitu sebagai bahasa ilmiah, bahasa kebudayaan, dan bahasa kesusasteraan yang bermutu tinggi. Mengenai kedudukannya yang tinggi ini, kita tidak perlu bertanya ke kiri dan ke kanan, apalagi kepada pakar-pakar Barat. Tentu saja pakar-pakar Barat akan mengatakan bahawa bahasa Melayu belum lagi mencapai kedudukan yang tinggi. Sedangkan bahasa Perancis dan bahasa Inggeris dianggap oleh sebilangan besar orang Jerman sebagai bahasa yang tidak bermutu, apalagi bahasa Melayu. Sampai akhir zaman, mereka tidak akan mengakui kedudukan bahasa Melayu yang tinggi.

Bahasa Melayu telah menduduki tempat yang tinggi sebagai bahasa moden, kerana telah memenuhi semua syarat seperti berikut, bahasa rasmi atau bahasa nasional (kebangsaan); bahasa pengantar pendidikan bermula dari tadika hingga ke universiti; bahasa perdagangan (terutama di Indonesia); bahasa agama; bahasa kebudayaan dan kesusasteraan; bahasa militer; lingua franca di negara-negara yang memakainya; bahasa Parlimen dan bahasa mahkamah (bahasa undang-undang).

Daripada semua bahasa negara-negara dunia ketiga yang merupakan tanah jajahan, hanya bahasa Melayu sahaja yang memenuhi syarat yang lapan ini. Mengikut kajian pada tahun 1992, jika dilihat bilangan penutur di dunia, bahasa Melayu menduduki tempat keenam, iaitu kira-kira 200 juta penutur. Ternyata bahawa daripada segi jumlah penuturnya, bahasa Melayu cukup kuat. Jumlah negara

yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi atau nasional, telah diguna pakai oleh empat buah negara, iaitu Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Daripada sudut tatabahasa terutamanya sintaksis, bahasa Melayu merupakan satu bahasa yang paling mudah dipelajari. Urutan kata-kata dalam sintaksis bahasa Melayu sangat lentur, dan hal tersebut membuat bahasa ini dapat menyesuaikan diri untuk mengekspresikan pemikiran yang rumit. Bahasa Melayu tidak mempunyai infleksi; deklensi dan konjugasi tidak terjadi sehingga bahasa ini sangat sederhana tetapi kuat dalam menunaikan tugasnya. Bahasa yang tidak mempunyai infleksi sering menjadi bahasa tona, namun bahasa Melayu bukan bahasa tona tetapi bahasa intonasi yang membuatnya mudah dipelajari. Daripada sudut sintaksis, pengucapan, ejaan dan semantik, bahasa Melayu merupakan satu bahasa yang sangat sederhana dan mudah dipelajari. Namun, daripada segi kemampuannya menyampaikan buah fikiran dan perasaan, bahasa Melayu sama kuatnya dengan bahasa mana pun di dunia ini. Kerana itu, bahasa Melayu telah mencapai kedudukan yang tinggi sebagai bahasa ilmu dan bahasa kesusasteraan.

Sistem Tulisan Bahasa Melayu

Dari segi sistem tulisan, bahasa Melayu termasuk bahasa yang berkedudukan tinggi, kerana menerapkan sistem tulisan Rumi (Latin) sama dengan bahasa Inggeris, iaitu sistem *alphabet* yang bergerak dari kiri ke kanan. Daripada semua bahasa dunia yang menerapkan sistem tulisan Rumi ini, bahasa Melayu menduduki tempat yang paling tinggi oleh kerana bahasa Melayu merupakan bahasa yang paling fonemis di dunia ini. Bahasa Inggeris dan bahasa Perancis sebagai bahasa terkuat di dunia berada jauh di bawah bahasa Melayu dalam hal kefonemikan ini, kerana kedua-dua bahasa ini sangat tidak sistematis dan tidak konsisten daripada segi hubungan pengucapan dengan ejaan. Seolah-olah sistem tulisan Rumi telah diciptakan khusus untuk bahasa Melayu.

Reformasi Pendidikan Bahasa Melayu

Usul penting Laporan Razak yang berkaitan secara langsung dengan pendidikan bahasa Melayu ialah rencana membentuk suatu sistem pendidikan kebangsaan yang dapat memupuk perpaduan rakyat pelbagai keturunan dengan bangsa Melayu menjadi salah satu asasnya. Menurut Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Laporan Razak), tujuan pendidikan kebangsaan ialah:

“.. menyatukan budak-budak daripada semua bangsa dalam negeri dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur.”

(Perenggan 12)

Kesimpulannya, dalam sistem pendidikan sesudah merdeka, sudah mula terbina falsafah yang mendasari pendidikan Bahasa Melayu di negara ini, iaitu bahasa Melayu sebagai asas perpaduan rakyat berbilang keturunan, atau dengan konsep yang lebih luas lagi bahasa Melayu sebagai salah satu asas pembinaan negara.

Faktor bahasa ternyata menyumbang dalam pembinaan negara melalui penggubalan Dasar Bahasa Kebangsaan yang meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, dan bahasa pengantar pendidikan. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu menjadi lambang kewujudan suatu bangsa dan menjadi bahasa perpaduan rakyat. Sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu menjadi wasilah pembangunan negara apabila berperanan sebagai sarana komunikasi pentadbiran dan pengurusan dalam pelbagai urusan rasmi. Sebagai bahasa pengantar ilmu dan pendidikan pula, bahasa Melayu menjadi sarana pemerolehan dan pengembangan ilmu dalam kalangan masyarakat, suatu syarat tegaknya sesuatu tamadun. Peranan bahasa dalam pembinaan negara dibantu pula dengan sektor pendidikan yang secara langsung merealisasikan Dasar Bahasa Kebangsaan.

Berkaitan dengan peranan bahasa dan pendidikan bahasa dalam proses pembinaan negara, hakikat sektor bahasa adalah sebagai salah satu sektor teras dalam proses pembinaan negara. Sektor bahasa, pendidikan dan kebudayaan merupakan jiwa sesuatu masyarakat, atau merupakan hakikat kewujudan masyarakat. Ketiga-tiga sektor inilah yang menjadi asas pembentukan jati diri atau keperibadian masyarakat yang akan memartabatkan bahasa Melayu. Dalam konteks bahasa, ungkapan “Bahasa jiwa bangsa” dan “Hilang bahasa lenyaplah bangsa” menepati gagasan yang diketengahkan.

Era Reformasi Pendidikan dalam Pendidikan Bahasa Melayu

Pada dasarnya, pendidikan bahasa Melayu dalam era ini merupakan kesinambungan pelaksanaan pada era sebelumnya. Pendidikan bahasa Melayu masih tetap berkaitan dengan pemupukan perpaduan rakyat, pengilmuan masyarakat, dan penyemaian nilai-nilai kehidupan bersama melalui bahasa kebangsaan. Yang membezakannya daripada era kemerdekaan fasa pertama ialah penekanan yang lebih jelas kepada aspek-aspek tertentu, khususnya pembangunan yang lebih menyeluruh, bersepadu, dan seimbang. Reformasi pendidikan yang menandai fasa kedua era kemerdekaan bagi sistem pendidikan negara bertujuan memperbaiki kandungan, objektif, bentuk, corak, dan amalan pendidikan yang sedang berlangsung bagi memenuhi tuntutan-tuntutan semasa dan cabaran-cabaran masa hadapan (Ahmad Muhammad Said 1991: 3-4; lihat juga Nik Aziz Nik Pa 1994: 227-228). Seluruh usaha reformasi pendidikan menekankan aspek kualiti, iaitu peningkatan mutu pendidikan dan manusia yang dihasilkan melalui pendidikan. Dalam konteks ini, reformasi pendidikan di Malaysia berkaitan rapat dengan upaya “pemanusiaan pendidikan” (humanization of education) (Ahmad Muhammad Said 1991:6-7).

Usaha awal reformasi pendidikan ialah pembentukan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Semula Pelaksanaan Dasar Pelajaran pada tahun 1974 yang dipengerusikan oleh Tun Dr. Mahathir selaku Menteri Pelajaran pada ketika itu.

“Mengkaji semula matlamat dan kesan sistem pelajaran sekarang, termasuk kurikulumnya, dalam rangka dasar pelajaran kebangsaan yang wujud, dengan tujuan untuk memastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi, sama ada dari segi jangka pendek mahupun jangka panjang, dan lebih-lebih lagi untuk memastikan bahawa sistem pelajaran itu dapat memenuhi matlamat negara kearah melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin, dan terlatih.”

(Laporan Jawatankuasa Kabinet 1971:1)

Dalam konteks pendidikan bahasa, realisasi reformasi pendidikan perlu ditinjau daripada segi falsafahnya dan juga kurikulumnya. Dalam konteks falsafah pendidikan bahasa Melayu, segala perancangan dan pelaksanaan strategi reformasi pendidikan lebih jelas, terarah, dan terkawal. Falsafah pendidikan bahasa itu mestilah selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu daripada segi upaya pengembangan berterusan potensi individu secara seimbang dan harmonis daripada segi sumbangan bahasa terhadap pembangunan masyarakat dan negara.

Menurut pakar bahasa, Nik Safiah Karim, pemantapan sistem bahasa sebagai persediaan menjadi bahasa yang cekap dan yang mempunyai daya pengungkap hal ehwal ilmu, teknologi dan segala bidang untuk kehidupan moden telah mencapai tahap yang kukuh, walaupun proses ini masih berterusan dan masih perlukan pemantapan. Kemajuan pendidikan bahasa Melayu telah berlaku dengan pesatnya apabila kerajaan menubuhkan sekolah menengah berbahasa pengantar Melayu dan terlaksananya Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di institusi-intituti pengajian tinggi (IPT).

Setelah merdeka, melalui usaha-usaha Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), perancangan yang tersusun telah dijalankan terhadap bahasa Melayu. Fungsi utama DBP direalisasikan melalui dua program besar, iaitu melalui pembinaan bahasa dan pengembangan bahasa. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu pengetahuan, tiba di kemucaknya apabila menjadi bahasa pengantar di peringkat universiti. Kejayaan bahasa Melayu itu dapat dilihat sebagai wahana ilmu pengetahuan melalui penggunaan bahasa tersebut dalam syarahan-syarahan perdana.

Memartabatkan Bahasa Melayu Melalui Pendidikan

Telah lebih 50 tahun kita merdeka, dan selama tempoh itu kita telah menyaksikan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang menunjangi setiap lambang kedaulatan dan perpaduan negara, melalui kedudukannya sebagai asas kebudayaan nasional. Sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar yang rasmi,

bahasa Melayu sudah banyak mengambil alih peranan yang dahulunya dimainkan oleh bahasa Inggeris. Antaranya, bahasa Melayu dijadikan bahasa ilmu.

Dua dokumen terpenting dalam pembentukan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menekankan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ialah Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960. Perkembangan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan di Malaysia dengan sendirinya telah membentuk ciri yang dapat digambarkan secara ringkas melalui urutan penggunaannya sebagai bahasa pengantar pada peringkat yang tertentu.

Dasar terkini, iaitu Memartabatkan Bahasa Melayu (Bahasa Malaysia) Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang mula dilaksanakan pada tahun 2011 menunjukkan usaha yang bersungguh-sungguh oleh pihak kerajaan mengangkat kedudukan bahasa Melayu seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Melalui dasar ini, tiga manfaat yang bakal dikecapi, iaitu pertama, melahirkan warga negara Malaysia yang fasih dan yakin untuk menggunakan bahasa Melayu standard dalam perbualan, urusan rasmi, penerokaan ilmu, dan dalam alam kerjaya mengikut kesesuaian dan keperluan; kedua, membina modal insan yang mampu mengakses pelbagai bidang ilmu melalui pelbagai media seperti teknologi komunikasi maklumat (ICT) serta mempunyai minda yang kritis, kreatif dan inovatif; dan ketiga, membentuk 1Malaysia yang mempunyai jati diri yang kuat, progresif, dinamik, mampu bersaing di peringkat antarabangsa ke arah mencapai negara maju (Buku Kecil MBMMBI, Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pelajaran Malaysia; 6).

Dasar MBMMBI amat jelas, strategi memartabatkan bahasa Melayu (bahasa Malaysia) melibatkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk Sains dan Matematik di sekolah kebangsaan dan menengah serta penambahbaikan terhadap pendekatan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Bahasa Malaysia) (Buku Kecil MBMMBI, Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pelajaran Malaysia; 5).

Usaha meletakkan bahasa Melayu di tempat yang betul dilaksanakan melalui beberapa langkah di sekolah. Langkah yang utama sekali ialah melalui penggunaan bahasa itu dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) Sains dan Matematik. Keduanya, menambahkan masa p&p mata pelajaran Bahasa Malaysia di sekolah jenis kebangsaan (SJK). Ketiga, penambahbaikan dalam kurikulum sekolah (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) meliputi kaedah pengukuhan dan penguasaan asas kemahiran berbahasa. Keempat, menyediakan guru Bahasa Malaysia yang mencukupi dan berkualiti. Kelima, memperluas penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dan p&p Bahasa Malaysia (Berita Harian pada 06/01/2011; 29).

Pemeriksaan Bahasa Melayu di Sekolah

Dalam konteks ini, sikap pelajar yang sering menganggap bahasa Melayu itu mudah kerana bahasa Melayu itu bahasa pertuturan mereka seharian perlu dikikis sama

sekali. Semua pelajar dan guru harus meletakkan bahasa Melayu di tempat yang sewajarnya dalam segala hal di sekolah. Lantaran itu, mereka harus membiasakan diri menggunakan bahasa Melayu yang betul, terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran. Amalan ini dapat memberikan kesedaran kepada mereka bahawa bahasa Melayu yang betul sahaja harus digunakan. Cara ini juga dapat menanamkan semangat cinta kepada bahasa Melayu.

Seboleh-bolehnya galakkan pelajar memilih bahan-bahan bacaan tambahan yang ditulis dalam bahasa Melayu yang betul dan baik susunan bahasanya. Bahan-bahan ini mungkin sedikit bilangannya, namun benda yang sedikit kalau dimanfaatkan tentu akan memberikan makna yang besar kepada kita semua.

Pelajar-pelajar harus digalakkan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang berhubung dengan bahasa Melayu di sekolah. Persatuan-persatuan bahasa di sekolah perlu memperbanyak aktiviti yang dapat meningkatkan daya berbahasa pelajar-pelajar selain pertandingan bahas, syarahan, diskusi bersama tokoh-tokoh bahasa yang diundang khas, gerakan bulan bahasa peringkat sekolah, kempen bahasa, dan sebagainya.

Perkara paling penting dalam soal pemantapan bahasa di sekolah ialah peranan guru itu sendiri. Guru sering dianggap sebagai satu contoh terbaik yang menjadi ikutan pelajar. Oleh itu, guru-guru bahasa harus peka terhadap penggunaan bahasa Melayu standard. Sebolehnya elakkan menggunakan bahasa dialek, bahasa campuran, dan bahasa basahan ketika berhadapan dengan pelajar-pelajar. Seandainya guru sendiri tidak peka terhadap penggunaan bahasa Melayu, pelajar apatah lagi.

Dalam hal ini, guru memainkan peranan yang penting dalam memupuk minat pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Sikap guru itu sendiri yang sebaiknya dapat menunjukkan keyakinan, kesungguhan dan minat serta sikap yang positif terhadap bahasa Melayu. Pelajar tidak mungkin menghayati dan mencintai bahasa Melayu tanpa kesungguhan daripada guru.

Demi menjaga mutu dan kecekapan berbahasa guru-guru di sekolah, mereka harus diberikan satu kursus penataran, sama ada dengan cara menghantar mereka ke institut perguruan untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran bahasa atau terus sahaja menyampaikan maklumat berkala kepada mereka dari semasa ke semasa. Semoga cara ini dapat meningkatkan taraf penguasaan dan mutu bahasa Melayu dalam sektor pendidikan.

Kementerian Pelajaran Malaysia atau Jabatan Pelajaran Negeri dan daerah juga perlu mengadakan kursus intensif kepada guru-guru bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sesuai dengan tuntutan perkembangan serta kemajuan bahasa Melayu.

Guru bahasa pula ketika mengajar hendaklah menggabungkan teori bahasa, teori pembelajaran dan teori pengajaran (pedagogi bahasa) dalam pengajaran bahasa supaya pengajaran mereka menjadi lebih berkesan.

Bahasa Melayu dalam Pendidikan Tinggi di Malaysia

Sebelum tahun 1970, hampir semua kursus di kolej dan universiti (kecuali kursus di Jabatan Bahasa Melayu) dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Perubahan secara beransur-ansur dalam penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar kursus di peringkat kolej dan universiti pada tahun 1970-an dan pada awal tahun 1980-an merupakan sebahagian daripada dasar kerajaan untuk membentuk negara Malaysia yang bersatu padu.

Pelbagai dasar sosioekonomi termasuk dasar dan pengukuhan sistem pendidikan negara keseluruhannya dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dibentuk. Selepas 13 Mei 1969, pelaksanaannya dilakukan dengan lebih bersistematik, bersungguh-sungguh dan berkesan. Kerajaan pusat telah melaksanakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua peringkat. Dasar pengajian negara menetapkan bahawa kerajaan pusat sahaja yang boleh menubuhkan universiti untuk penganugerahan ijazah.

Nilai bahasa Melayu menjadi tinggi kerana kebanyakan kerja yang pesat berkembang di sektor awam mewajibkan pemohonnya lulus sekurang-kurangnya dengan kredit dalam Bahasa Melayu pada peringkat SPM. Semua urusan dengan kerajaan perlu menggunakan bahasa Melayu. Generasi muda daripada pelbagai keturunan yang cekap dan fasih dalam bahasa Melayu telah menerima bahasa tersebut sebagai bahasa mereka. Pensyarah IPTA daripada pelbagai ilmu mempelajari dan menguasai bahasa Melayu untuk menyampaikan kuliah. Mereka menguasai istilah dan konsep dalam bahasa Melayu dan menterjemahkan bahan-bahan pengajaran daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu.

Pelajar IPT boleh menjawab soalan peperiksaan dalam bahasa Melayu. Disertasi sarjana dan doktor falsafah juga boleh ditulis dalam bahasa Melayu. Semua ini membawa perkembangan dan pengayaan yang besar terhadap bahasa Melayu di Malaysia. Sejak tahun 1996, beberapa akta pendidikan negara telah diluluskan oleh Parlimen dan berkuatkuasa hingga sekarang. Semua akta ini bertujuan untuk memantapkan sistem pendidikan negara khususnya pendidikan tinggi. Antara akta yang penting dalam konteks penggunaan bahasa Melayu ialah Akta IPTS 1996.

Kini, aspek falsafah bahasa dan falsafah pendidikan bahasa kian mengukuh di IPTA melalui penawaran mata kursus di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Ijazah Sarjana di samping disertasi di peringkat Ijazah Doktor Falsafah. Sebagai seorang guru Bahasa Melayu sewajarnya menguasai aspek falsafah ini, selain memahami Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan falsafah pendidikan guru. Menyentuh tentang teori falsafah bahasa (Mohd. Rashid Md. Idris; 2007, 2010 dan 2012), terdapat tiga prinsip asas, iaitu pertama, kegiatan berbahasa mestilah menggunakan nahu yang

betul untuk mencapai objektifnya; kedua, kegiatan berbahasa mestilah melibatkan penyampaian maklumat yang betul dan benar; dan ketiga, kegiatan berbahasa adalah suatu ibadah. Hal ini sewajarnya diperluaskan kepada para guru yang mengajar di sekolah rendah dan menengah sebagai suatu wadah baharu.

Manakala, falsafah pendidikan bahasa pula adalah hasil daripada gandingan falsafah bahasa dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Maksudnya, ketiga-tiga prinsip dalam falsafah bahasa akan menjurus kepada tercapainya gagasan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan generasi insan yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Pada masa ini, satu lagi elemen yang perlu ditambah, iaitu aspek sosial memandangkan era ledakan teknologi komunikasi maklumat memungkinkan aspek sosial terpinggir kerana sikap individu yang gemar menyendiri dan menghabiskan banyak masa di hadapan muka komputer sahaja.

Cabaran Bahasa Melayu dalam Era Globalisasi

Pada tahun 2020, Malaysia dijangka menjadi sebuah negara maju, meninggalkan tarafnya sebagai negara membangun. Perhitungan ini banyak disandarkan kepada pembangunan fizikal dan terlalu sedikit kepada asas-asas jiwa dan penjiwaan, kualiti hidup dan jati diri bangsa.

Unsur-unsur ini tidak semestinya membina jati diri atau bangsa yang dikehendaki kerana proses yang ada pada masa itu ialah proses yang sesuai dipanggil osmosis, merujuk nilai kuat lagi berpengaruh menyedut nilai lemah yang kurang berpengaruh. Salah satu yang bakal disedut melalui proses osmosis itu nanti ialah menerusi pencabulan bahasa, kebudayaan dan cara hidup yang mencorakkan sifat kemelayuan mereka.

Seperti yang telah disaksikan belakangan ini, kesan kemajuan global telah banyak mengubah cara hidup lama. Antaranya ialah hidup dengan komputer dan internet. Kini, berita dikirim melalui e-mail dan sms – dua istilah yang sudah pun menjadi sebahagian perbendaharaan kata kita, dan sehubungan itu ramai yang berurus niaga melalui internet. Perkataan baru sering memasuki perbendaharaan kata kita, kadangkala tanpa perlu ditapis atau dihalusi terlebih dahulu. Bahasa Melayu dituturkan separuh Melayu separuh Inggeris, di kalangan sektor swasta pertuturan adalah lebih kurang 70% dalam bahasa Inggeris dan hanya 30% dalam bahasa Melayu, dalam keadaan lintang-pukang. Dan secara ketara, pendidikan negara mulai disalut dengan perantaraan media baru, iaitu bahasa Inggeris.

Dunia siber sudah bertapak dalam hidup kita. Bersediakah kita mempertahankan diri agar jati diri dan kesinambungan bina bangsa terjamin? Sebenarnya soalan ini tidak akan dapat dijawab secara tepat. Dalam perkelilingan beginilah kita kembali memperkatakan nasib bahasa Melayu. Cuma kali ini ditambah sedikit kaitannya dengan senario global. Sebenarnya memperkatakan tentang bahasa Melayu seolah-olah kita memperkatakan satu-satunya aspek asas orang Melayu

itu sendiri. Survival bahasa Melayu di peringkat yang maju dan beridentiti juga mencerminkan bangsa Melayu khususnya dan bangsa Malaysia amnya, cuma bangsa Malaysia adalah igauan politik yang hendak dicapai.

Kebelakangan ini sudah begitu banyak pihak memperkatakan tentang bahasa Melayu. Tetapi boleh dikatakan kesemuanya membuat rungutan atau dengusan yang negatif tentang keadaan terumbang-ambing beberapa aspek bahasa Melayu. Dari tahun 1999 hingga 2003 terdapat secara sekitar 94 rencana utama termasuk kertas-kertas simposium dan konvensyen yang memperkatakan tentang bahasa Melayu daripada pelbagai sudut dan aspek. Tajuk-tajuk yang digemari ialah masalah bahasa rojak, bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmu, kemampuan bahasa Melayu sebagai lingua franca di Kepulauan Melayu, bahasa Melayu dalam konteks pembudayaan bahasa persuratan, dan pelbagai lagi tajuk pokok yang kesemuanya menyentuh tentang pusaka perhubungan Melayu ini. Malangnya tiada satu pun di antara rencana-rencana itu yang memuji atau memberi markah tinggi kepada usaha memperkasakan bahasa Melayu. Sebenarnya usaha memperkasakan Bahasa Melayu semacam sudah dilupai, seolah-olah seperti bidalan “terpijak pergi terlenda pulang”.

Bahasa Melayu dalam era global adalah suatu tajuk yang sangat mencabar dan penuh permasalahan. Ia berkait rapat dengan soal jati diri orang Melayu dan bangsa Malaysia amnya. Ia juga suatu masalah pembudayaan yang amat berat dan rumit. Tajuk ini walaupun pernah dibincangkan dalam beberapa polemik yang terdahulu, lebih banyak menimbulkan masalah daripada jawapan. Hal ini kerana bahasa Melayu itu sendiri sedang menghadapi cabaran dan rintangan yang hebat di dalam negara sendiri. Bercakap tentang bahasa Melayu di era global semestinya memerlukan kita membincangkan terlebih dahulu beberapa isu bahasa secara domestik.

Isu-Isu Bahasa

Penjiwaan bahasa: Dalam tahun 1960-an, isu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menjadi perkara hangat dan isu yang membakar semangat perjuangan orang Melayu dan rakyat Malaysia. Bahasa jiwa bangsa sesungguhnya sebahagian daripada jiwa nasionalisme orang Melayu. Begitu penting dan utama bahasa Melayu sehingga UMNO sendiri menerapkannya ke dalam fasal 3 perlembagaannya tentang bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Tambahan pula istilah Melayu itu sendiri mengikut Perkara 160 Perlembagaan Negara mewajibkan seseorang itu berbahasa Melayu selain beragama Islam dan mengamalkan adat istiadat Melayu sebelum layak diiktiraf sebagai seorang Melayu. Kempen Bahasa Kebangsaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah pimpinan Tuan Syed Nasir Ismail masih diingati sebagai yang terhebat dan berkesan.

Secara rambang keutuhan bahasa Melayu tidak banyak dipertikaikan sehingga 1986. Bahasa Melayu itu sendiri mengalami edaran zaman dan evolusi. Sistem ejaan, kerjasama penyeragaman bahasa Melayu-Indonesia, penulisan novel,

cerpen dan penyemarakan bahasa menjadi amalan biasa sehingga apabila menjelang tahun 1985 penulisan novel, cerpen, sajak terus beroleh tempat dalam kalangan pembaca. Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) dan Maktab Perguruan Bahasa Lembah Pantai semenjak 1922 hingga awal 1980-an terus menjadi pengeluar guru bahasa Melayu yang berkesan dan disegani. Kini, penekanan kepada bahasa Melayu daripada sudut perguruan khusus sudah kurang mendapat perhatian.

Apabila pengkhususan pengajaran bahasa berkeadaan sedemikian, maka hasil penjiwaannya juga turut berkurangan. Apabila jiwa sudah lemah dalam sesuatu amalan, maka aspek praktisnya juga turut lemah. Perumpamaan Melayu semacam menjadi pusaka murah. Buku Kiliran Budi dan Ilmu Mengarang Melayu karya Pendeta Za'ba sudah disaluti habuk kerana tidak dirujuk lagi. Kita menerpa dan melompat ke hadapan tanpa menyusun langkah. Di sinilah barangkali tepat dikatakan “koyak baju kerana lenggang; pesuk songkok kerana lonjak”. Rangkap lama mengingatkan kita:

*Jangan disalai ciku kedondong,
Salailah ikan atas para;
Jangan salahkan ibu mengandung,
Salahkan badan yang buruk pinta.*

Masalah kedua ialah masalah bahasa rojak. Bahasa rojak wujud dalam sesuatu ayat yang diselang-selikan dengan bahasa asing sehingga campurannya itu semacam hidangan rojak. Paling mudah bagi kita mendengar melalui radio atau TV sekarang ungkapan-ungkapan seperti “e-mail”, “sms” “internet”, “software”, “hardware”, “ISDN”, “html”, “computer” “website” dan sebagainya. Sekarang pun kita secara harian mendengar dialog seperti berikut:

*“Hei, hari ini birthday I lah”
“Dalam hal ini you yang paling best”
“How are you today...harap OK lah”
“You dah breakfast ke?”
“Hei, kawan-kawan, it's showtime”
“Inilah showtime yang ori...”*

Ungkapan-ungkapan ini dapat didengari di mana-mana. Jelas tiada pengawasan oleh pihak-pihak tertentu sehingga berterusan wujudnya bahasa rojak dalam kehidupan seharian kita. Pengawasan di media boleh dilakukan, tetapi amat sukar dikuatkuasakan. Sebaliknya bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil tidak tertarik dengan amalan campur-aduk ini seperti yang dialami bahasa Melayu. Yang merunsingkan ialah kepekaan dan rasa prihatin masih belum tercapai dalam pemikiran pihak yang bertanggungjawab dalam bidang bahasa. Misalnya kita tidak perlu ambil “birthday” kerana hari jadi atau hari kelahiran ada dalam bahasa Melayu. “Showtime” boleh diganti dengan masa persembahan atau saat persembahan; “ori” dengan asli. Pihak bertanggungjawab harus bertindak dan membetulkan sesuatu ungkapan atau perkataan yang dirasakan mencerooboh bahasa Melayu itu sendiri.

Secara amnya, kita terdedah dan terlalu terbuka kepada anasir-anasir luar. Mekanisme penahanan atau mengehadkan penerapan luaran ini tidak cukup ada pada kita sekalipun agama itu tampaknya patut lebih berkesan sebagai penangkis. Apabila bahasa berubah dan diubah, soalan yang muncul ialah “Siapa yang ubah dan kenapa?” Jawabnya tentu terletak pada hakikat bahawa ianya diubah sedemikian cara kerana penuturnya berasa bahasa ibundanya tidak lagi cukup untuk melahirkan maksudnya sehingga ia terpaksa menggunakan perkataan-perkataan asing. Sebaliknya mereka mungkin beranggapan bahawa dengan menyelitkan perkataan Inggeris di celah-celah ayat bahasa Melayu akan meninggikan imej mereka walaupun ini tentunya berupa pendekatan bersifat hipokrit dan boleh mencapai kepuasan berkomunikasi; atau mungkin asuhan bahasa Melayu mereka di sekolah tidak sampai ke tahap mantap. Juga terdapat di beberapa kalangan, termasuk pemimpin yang tidak berpendidikan aliran Inggeris, lantaran mereka dianggap tidak mempunyai kelulusan akademik yang tinggi, mereka cuba menyelitkan sepatah dua perkataan Inggeris dalam perbualan dengan tujuan supaya orang menganggapnya berpendidikan tinggi. Jika demikian, cara dan kaedah yang paling berkesan untuk menangani bahasa rojak ialah dengan menjayakan program-program latihan lisan yang membina amalan komunikasi. Ia harus dijalankan di semua institusi persekolahan dan pengajian tinggi.

Ketiga, terdapat unsur-unsur yang merosakkan bahasa Melayu. Bahasa Melayu yang digunakan pada hari ini ialah lisan dan tulisan. Keadaan bahasa Melayu lisan boleh dikatakan dalam keadaan kurang memuaskan berbanding bahasa Melayu tulisan kerana:

- a. kurang latihan pertuturan yang baik yang melibatkan anak-anak sekolah, mahasiswa dan petugas awam
- b. kurangnya asuhan melibatkan bahasa indah dan cara berfikir objektif dalam pembahasan dan pertuturan
- c. kurangnya asuhan bahasa baik, bahasa indah
- d. kurangnya latihan atau mata pelajaran berkaitan karya-karya besar sastera bangsa sendiri
- e. pembelajaran dalam bidang the Arts yang tidak disaring dan dikemas
- f. kurangnya tenaga pengajar yang komited dengan pembudayaan bahasa atau pembahasaan sebagai satu bidang kajian atau mata pelajaran.

Sementara itu amalan-amalan di peringkat pimpinan, kepegawaian dan urusan-urusan rasmi juga dilihat orang sebagai unsur-unsur yang mempengaruhi dan merumitkan penggunaan bahasa Melayu yang baik. Jika bahasa mesyuarat juga bercampur-aduk, bagaimana penggunaan bahasa baik dapat dicapai? Sementara itu akhbar Utusan Melayu berkeadaan “mati segan hidup tak mahu” dan orang Melayu sendiri bersikap dingin terhadap tulisan Jawi.

Keempat, Akta Bahasa Kebangsaan 1963. Cinta rakyat kepada Bahasa Kebangsaan meluap-luap sehingga orang mula hormat terhadap bahasa Melayu itu. Pada tahun 1963 Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan Parlimen. Akta itu hanya sekadar mengisytiharkan peruntukan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan tidak memperuntukkan sebarang provisi penalti terhadap sesiapa yang mencabul bahasa atau yang tidak mengamalkan penjiwaan bahasa. Malah jika terdapat penggunaan bahasa yang salah pada iklan papan tanda, Dewan Bahasa dan Pustaka, misalnya, tidak dapat berbuat apa-apa melainkan menasihatkan pihak yang berkenaan. Apabila Singapura merdeka daripada Persekutuan Malaysia pada 1965 bahasa Melayu lantas dijadikan bahasa rasminya. Akta Bahasa Kebangsaan 1963 adalah tulang belakang bahasa Melayu. Hakikat ini mungkin benar tetapi pada pengertian khususnya Akta ini hanya bersifat deklatori, yakni menyatakan apa yang sudah jelas dan nyata daripada hal bahasa Melayu itu. Sebaik-baiknya beberapa pindaan harus dilakukan dalam usaha memberi sedikit kuasa penguatkuasaan kepada satu-satunya agensi bahasa di negara ini, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kelima, Perubahan Dasar, Benarkah ia melemahkan Bahasa Melayu? Pada suatu hakikat memang boleh menerima bahawa dasar 2002 yang mewajibkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran Matematik dan Sains merobah satu lagi pancang seri yang selama ini menjadi kebiasaan dalam pengajaran kedua-dua mata pelajaran tersebut di Sekolah Kebangsaan. Tetapi realiti perkara ini memerlukan penilaian objektif dan bukan subjektif. Sebelum anjakan dasar ini dibuat dua tahun lalu, keciciran anak-anak Melayu dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains memang ketara sedangkan penguasaan Sains dan Matematik di kalangan bukan Melayu berada di tahap baik. Hal ini kerana pengajaran bahasa Inggeris di SRJK lebih mantap dan berkesan sedangkan di Sekolah Rendah Kebangsaan adalah di sebaliknya. Pencapaian Sains dan Matematik di sekolah-sekolah berbahasa Mandarin, sebaliknya, terus meningkat. Hal ini disebabkan kualiti pengajaran menyumbang kepada pencapaian anak-anak di SRJK.

Justeru, sampai kini sekolah-sekolah ini enggan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran Sains dan Matematik. Tetapi pencapaian mereka di bidang-bidang berkenaan terus meningkat sekalipun pencapaian bahasa Inggeris mereka cuma di peringkat sederhana. Apa akan berlaku jika amalan lama tidak dianjak? Pertama anak-anak Melayu akan terus berada di tahap lama, mereka akan terus lemah pencapaian Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Sekurang-kurangnya Bahasa Inggeris mereka selepas ini akan bertambah baik lantas secara teorinya mereka akan lebih profisyen dan boleh menimba ilmu lain dengan lebih mudah. Tetapi ini bergantung kepada kualiti pengajaran bahasa itu kepada murid-murid. Hal ini bergantung kepada kualiti para guru itu sendiri. Jika kualiti pengajarannya melonjak maka pencapaian kedua-dua subjek itu juga akan turut melonjak. Dalam hal ini pendekatan paling baik ialah mewujudkan kumpulan pengajar yang fasih dan berilmu tinggi.

Rumusan Tindakan Tampak sebagai penting, iaitu penggunaan bahasa Melayu perlu dijana semula dan dikempenkan semula. Para pengucapnya mesti dalam keadaan sedar supaya megah dan berasa senang berbahasa Melayu dengan baik. Sekolah, universiti, agensi-agensi Kerajaan, NGO dan kumpulan-kumpulan lain harus bersekutu dan bekerjasama memperjuangkan kembali perkara nasional yang amat penting ini. Banyak bidang yang boleh terus diperjuangkan contohnya, memperhebat dasar buku nasional, menerbitkan buku-buku bertaraf dunia dan serantau, meningkatkan kerjasama bahasa serantau, mengamalkan dasar cintakan bahasa, sastera, dan pelbagai projek bahasa yang boleh diteruskan.

Kesimpulan boleh dibuat pada peringkat ini, iaitu kita tidak harus terus berasa hilang tenaga dalam menghadapi cabaran global untuk menghalang bahasa Melayu daripada diselangi perkataan dan nilai luar secara melulu. Yang penting ialah kita mesti terus memupuk rumpun yang ada dan memperkayakannya dengan bimbingan, hala tuju dan apresiasi yang berterusan. Asas pendidikan kita harus kuat. Pendekatan kita demi bahasa Melayu zaman depan mesti bersandar kepada situasi menang. Untuk itu, pembudayaan bahasa harus nyata. Jika tiada azam perjuangan yang kental untuk menggunakan bahasa sendiri lantaran istilahnya cukup dalam bahasa sendiri, kita nanti akan dipanggil bangsa touch 'n' go. Tepuk dada, tanya selera.

KESIMPULAN

Taraf penguasaan bahasa Melayu pelajar-pelajar di sekolah khususnya dalam aspek lisan dan tulisan harus diperbaiki. Dan ini menjadi tanggungjawab semua pihak yang terlibat dalam perkembangan bahasa Melayu terutama para pendidik yang mengajar bahasa untuk memastikan bahasa Melayu digunakan dengan betul agar masalah ini tidak berlarutan hingga ke peringkat menengah atas.

Pandangan ini merupakan satu titik tolak bagi guru-guru untuk mencari formula bagi mengatasi kelemahan penguasaan bahasa pelajar-pelajar yang masih terus melakukan kesilapan dari semasa ke semasa. Berbagai-bagai kaedah pengajaran yang hebat mungkin dapat dicipta dan pelbagai pendekatan menganalisis bahasa dapat dicuba, tetapi masalah yang timbul daripada sikaplah yang paling sukar diatasi. Dalam memperkatakan kelemahan-kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Melayu khususnya, kita harus sedar bahawa rendahnya tingkat penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar mencerminkan rendahnya tingkat penguasaan bahasa di kalangan masyarakat umum kini.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap individu, untuk membuat "tinjauan ke dalam diri" sebagai usaha menilai kemampuan masing-masing. Bahasa Melayu harus diajarkan benar-benar sebagai satu ilmu bukan sebagai satu kebiasaan. Untuk itu, para perancang bahasa dan para pendidik harus menguasai ilmu tersebut dahulu. Menurut Awang Sariyan (1979), setiap orang mestilah berazam untuk menyelesaikan masalah penguasaan bahasa diri sendiri. Jika setiap orang dapat melaksanakan

azam itu, tidaklah mustahil bahawa pada satu masa kelak, kita akan mempunyai guru, pelajar, pentadbir, pensyarah, ibu bapa dan ahli bahasa yang semuanya dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik.

Bahasa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tamadun dan juga dalam hubungan politik, diplomatik, dan perniagaan antara negara dan kumpulan di dunia. Dalam konteks ini, kita lihat bahawa bahasa merupakan faktor yang penting dalam persaingan kuasa antarabangsa pada peringkat negara dan komuniti atau kumpulan. Penaklukan sesuatu bangsa terhadap bangsa lain turut melibatkan penggunaan bahasa penaklukan dalam komuniti yang ditaklukkan menimbulkan keadaan persaingan antara bahasa. Keadaan yang seperti inilah yang menimbulkan kesedaran kepada tanah-tanah jajahan atau taklukan bahawa sebahagian daripada identiti mereka, yakni yang diwujudkan melalui bahasa mereka, mulai terpendam. Dari itu, timbullah perjuangan menegakkan kembali bahasa sebagai satu ideologi kerana dalam bahasa terdapat pemuajudan dan juga ideologi (Fairclough, 1989:12).

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. 1997. *Guru dan Bahasa Melayu*. City Reprographic Services.
- Asmah Hj Omar. 1999. Bahasa Melayu Merentas Alaf: Unjuran ke Alaf Baru dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 43 Bil.11.
- Awang Sariyan. 1999. Pendidikan Bahasa Melayu di Malaysia: Dari Tradisi ke Reformasi dlm *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 43 Bil 10.
- Buku Kecil MBMMBI, Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hasan Baseri Budiman. 1992. Pemantapan Bahasa di Sekolah: Permasalahan dan Saranan dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 838.
- Hassan Omar (Sumber : Berita Harian pada 03/03/2005), *Dikemaskini pada 24 Dis 2008*).
- Isahak Haron. 1999. Penggunaan dan Penguasaan Bahasa Melayu Dalam Pendidikan Tinggi di Malaysia: Cabaran Dalam Alaf Baru dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 43 Bil 9.
- Ketua Komunikasi Korporat, Kementerian Pelajaran Malaysia, MBMMBI mampu melahirkan generasi fasih Melayu, Inggeris (Sumber: Berita Harian pada 06/01/2011: 29).

- Khatijah Abdul Hamid. 1992. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Trend Masa Kini dan Dilema Guru Bahasa dlm *Jurnal Dewan Bahasa*.1178.
- Mangantar Simanjuntak. 1992. Faktor Penting dalam Proses Pemantapan Bahasa Melayu Menjelang Tahun 2020 dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 897.
- Mohd. Rashid Md. Idris. 2004. Monograf Bahasa Melayu. Jabatan Bahasa Melayu: Pusat Bahasa UIAM.
- Mohd. Rashid Md. Idris. 2007. *Monograf Bahasa Melayu Jilid 2*. ACH Communication Sdn. Bhd.
- Mohd. Rashid Md. Idris. 2010. *Falsafah Pendidikan Bahasa*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Mohd. Rashid Md. Idris. 2011. *Nilai Melayu dalam Pantun*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Rashid Md. Idris. 2012. *Teori Falsafah Bahasa*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- <http://lokmandayat.blogspot.com/2008/11/bahasa-melayu-dalam-era-globalisasi.html>
- <http://mohdisa-abdrzak.blogspot.com/2009/11/peranan-bahasa-malaysia-sebagai-bahasa.html>
- Bahasa Melayu dalam Era Globalisasi, diperoleh dari laman web *lokmandayat.blogspot.com*
- Peranan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa, diperoleh dari laman web *mohdisa-abdrzak.blogspot.com*

Profil Penulis

Mohd Rashid Md Idris, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
rashid@fbk.upsi.edu.my